

Menamakan pengganti tidak ikut clemokrasi

BM - 8 NOV 1992

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ~~tidak akan menamakan~~ penggantinya kerana ia bertentangan dengan prinsip demokrasi yang diamalkan oleh parti di negara ini.

"Menamakan pengganti saya tidak akan membantu mewujudkan perpaduan, malah ia mungkin menyebabkan parti berpecah belah," katanya.

Menjawab soalan pemberita sama ada isu perpaduan terus dibangkitkan kerana Presiden Umno tidak menamakan siapakah bakal penggantinya secara jelas, Dr Mahathir berkata:

"Cara itu tidak demokratik. Sistem yang kita amalkan ialah menyerahkan kepada ahli untuk menama dan melantik pilihan mereka."

Dr Mahathir berkata Umno tidak boleh memaksa orang bersatu, culpa boleh merayu dan memberi nasihat. Jika mereka menghargai keperluan untuk bersatu, mereka akan bersatu.

"Walaupun saya berulang kali membangkitkan soal perpaduan, tidak bermakna ahli tidak bersatu, cuma saya kata kita boleh pertingkatkan lagi," katanya.

Mengenai kecenderungan beberapa perwakilan memberi gambaran Umno berpe-

cah kepada beberapa puak kerana pemimpin bermusuhan sesama sendiri, Dr Mahathir berkata:

"Itu persepsi mereka yang mungkin disebabkan surat layang. Kita tidak tahu sama ada surat layang itu datang dari dalam Umno atau musuh Umno. Kalau ia diedar oleh musuh Umno dan dapat meyakinkan ahli bahawa ada perpecahan, masalah dan penyelewengan, maka kita boleh kata matlamat surat layang itu sudah tercapai.

"Mungkin mereka memikirkan ada sesuatu yang benar dalam surat layang ini. Itulah sebabnya ada yang kata kononnya surat layang ini baik

di segi nasihat yang diberi.

"Kalau Umno bergantung kepada surat layang, tak payahlah ada nasihat daripada Majlis Tertinggi lagi," katanya.

Mengenai cadangan wakil Perhubungan Negeri Selangor supaya diwujudkan biro perpaduan Umno, Dr Mahathir berkata:

"Menubuhkan biro perpaduan tidak menjamin akan ada perpaduan, yang penting ialah budaya kerjasama yang wujud dalam Umno. Kadang-kadang ada manusia yang sengaja tidak mahu bekerjasama dan menyebabkan perpecahan, itu yang terjadi pada 1987," katanya.